



Kempen Hijab Makes You Beautiful dianjurkan di UMS bagi tujuan mendidik siswi UMS supaya berhijab dengan baik.

# Kempen Hijab Didik Siswi Muslimah Berhijab Dengan Sempurna

Oleh Dorina Sebom

Kota Kinabalu, 15 April - Mahasiswi Islam di UMS digalakkan berhijab dengan sempurna mengikut ajaran Islam yang sebenar selaras dengan kempen *Hijab Makes You Beautiful*.

"Kempen *Hijab Makes You Beautiful* ini bertujuan bagi mengajak para siswi khususnya Muslimah untuk menutup aurat dengan lebih sempurna dari aspek cara pemakaian pakaian mereka" kata Nurlina Arappe, Timbalan Presiden MPP UMS.

Tambah beliau lagi, kempen ini turut beri perhatian terhadap gaya pemakaian siswi bukan Muslimah supaya mereka juga turut mengamalkan cara berpakaian yang kemas dan sopan.

Kempen ini julung kalinya telah dianjurkan di foyer perpustakaan

Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan kerjasama *Mr the All Shared*, seorang pendakwah muda.

Antara yang menarik sepanjang tiga hari kempen ini dianjurkan ialah siswi bukan Muslimah juga turut datang bagi mencuba untuk berhijab.

Mereka meluahkan rasa terkejut kerana ternyata penampilan mereka berbeza daripada sebelum ini.

Oleh itu, mereka berharap agar kempen ini akan dianjurkan untuk kali yang kedua bagi memberikan pengajaran kepada siswi-siswi di UMS ini supaya sentiasa menjaga penampilan berpakaian mereka bagi mengelakkan gangguan seksual berlaku.